

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
BUKAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KE DUA, PENGGAL KE TIGA,
PARLIMEN EMPATBELAS**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

DARIPADA : YB PUAN NOORITA BT. SUAL (TENOM)

SOALAN

PUAN NOORITA BINTI SUAL [TENOM] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah status permohonan balai polis di daerah kecil Kemabong Tenom untuk membantu menjamin keselamatan penduduk di kawasan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di Pertua,

Pengoperasian Balai Polis ini telah ditutup sejak tahun 2018 bagi memperkasakan Balai Polis Tenom mengikut keperluan perjawatan sebenar dan Kawasan Kemabong turut termasuk dalam kawasan yang dikawal selia Balai Polis Berkenaan. Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Polis DiRaja Malaysia (PDRM) berpandangan bahawa dengan memperkasakan Balai Polis Tenom, lebih banyak anggota PDRM yang dapat ditugaskan untuk kerja-kerja rondaan dan pemantauan melalui MPV sekaligus meningkatkan kecekapan kerja.

Pada masa ini, pihak Kementerian dan PDRM sedang memberi penumpuan dan keutamaan bagi pembinaan projek sedia ada serta kerja-kerja menaiktaraf premis PDRM yang uzur. Walau bagaimanapun, tertakluk kepada kelulusan perjawatan baharu, cadangan projek ini akan dimasukkan ke dalam *Rolling Plan* (RP) berikutnya setelah semakan keutamaan dibuat serta tertakluk kepada kelulusan projek pembangunan di bawah Rancangan Malaysia Ke-12 oleh Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri.

Dasar Kerajaan sedia ada telah menggariskan bahawa perancangan sesuatu projek pembangunan perlu mempunyai perjawatan terlebih dahulu sebagai asas untuk pertimbangan sama ada pembinaan projek baru, pembinaan semula atau naiktaraf disamping mempunyai tapak tanah berkeluasan lima (5) ekar yang disediakan oleh pihak Kerajaan Negeri (Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan Edisi Tahun 2015, Jawatankuasa Standard dan Kos, Unit Perancang Ekonomi).